

Beri biasiswa strategi pikat pelajar antarabangsa

PEMBERIAN biasiswa kepada pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan salah satu strategi dan langkah proaktif ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya menyediakan biasiswa kepada 788 pelajar antarabangsa daripada 87 negara dengan 292 pelajar daripadanya masih aktif mengikuti pengajian dalam negara ketika ini.

"Kementerian mengendalikan tiga program penajaan kepada pelajar antarabangsa iaitu program Biasiswa Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Commonwealth Scholarship and Fellowship Plan (CDFP) dan Malaysia International Scholarship (MIS) bagi program pengajian peringkat Sarjana, Doktor Falsafah dan Pos-Doktoral.

"Setakat tahun ini sahaja, kita telah menyalurkan bisiwu kepada 90 pelajar antarabangsa di bawah pelbagai program biasiswa di bawah kementerian," ujarnya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada majlis Makan Malam '*Malaysia In My Heart*' Bersama Pelajar Antarabangsa di Universiti Putra Malaysia baru-baru ini.

Majlis Makan Malam '*Malaysia In My Heart*' merupakan kesinambungan aktiviti bagi mengeratkan hubungan antara kementerian dan pelajar antarabangsa yang mendapat tajaan biasiswa di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Mohamed Khaled menambah, pelajar antarabangsa yang memperoleh keputusan pengajian



yang cemerlang dan berhasrat menyambung pengajian di sini dalam program PhD mempunyai kelebihan memohon biasiswa MIS.

"Hal ini kerana, di bawah MIS, setelah permohonan biasiswa mereka diluluskan, mereka boleh mendaftar serta-merta untuk mengikuti pengajian baharu tanpa meninggalkan negara," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled menegaskan, kementerian tidak mempunyai halangan kepada mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) yang berhasrat menawarkan pekerjaan kepada mana-mana pelajar asing yang telah tamat pengajian di negara ini untuk berkhidmat sebagai pensyarah atau penyelidik di institusi masing-masing.

Menurutnya, perkara tersebut masih bergantung kepada ketetapan syarat yang telah ditetapkan kementerian termasuk mengikut perjanjian kontrak dan tempoh tertentu.

"Penetapan syarat kontrak itu bagi mewujudkan keadaan 'menang-menang' kepada kedua-dua pihak sama ada IPT, pelajar antarabangsa termasuk kementerian yang juga bertindak sebagai penyedia kemudahan biasiswa," jelasnya.